

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 21.11.2025 MASA: 03:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN *BUTTERWORTH FRINGE*
FESTIVAL (BFF) 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT
22 NOVEMBER 2025 (SABTU)
5.30 PETANG

DATARAN PEMUDA MERDEKA, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang

Merangkap Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif

Yang Berhormat Dato'Seri Sundarajoo A/I Somu

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Alam Sekitar

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai Dan Yang Berbahagia Datin

Noraishah Binti Hashim

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau

Pinang dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negera

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman

Pengarah Jabatan Pembangunan Lestari MBSP Merangkap

Pengerusi Butterworth Fringe Festival 2025

**Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik Butterworth Fringe
Festival 2025**

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Perasmian *Butterworth Fringe Festival (BFF) 2025***. Butterworth hari ini bukan sekadar menjadi tuan rumah *festival* seni; ia menjadi pentas dunia, tempat komuniti kita diraikan dan disaksikan oleh ramai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan** atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan *Festival* ini.
3. Saya mengalu-alukan kehadiran Dif-Dif Kehormat; barisan Ahli Majlis MBSP; wakil agensi Kerajaan dan swasta; rakan-rakan strategik;

rakan media; masyarakat seni; warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP); serta seluruh komuniti Seberang Perai, khususnya warga Butterworth yang menjadi nadi *festival* ini. Terima kasih kerana bersama-sama memeriahkan BFF tahun ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Bermula sejak tahun 2015, Butterworth Fringe Festival kini memasuki edisi ke-sembilan, dan terus berkembang sebagai ***festival bertaraf antarabangsa yang mengetengahkan persembahan jalanan (street art performance) secara terbuka dan inklusif kepada masyarakat***, selain meraikan gastronomi tempatan, kesenian dan kebudayaan, warisan Seberang Perai, kreativiti moden serta ekspresi budaya dari dalam dan luar negara.
5. Tahun ini, BFF membawa sebuah pengalaman seni yang lebih segar dan menyeluruh; daripada **tarian klasik India, jazz, wayang kulit moden, seni Borneo, mask dance Mah Meri, persembahan jalanan antarabangsa**, sehinggalah kepada ***workshop kreativiti kitar semula, instalasi seni, papan permainan, mini parade***, serta ***Food Carnival RM3*** yang pastinya menjadi tumpuan pengunjung. Mulai dari hentakan tarian klasik hingga *melodi jazz* yang memenuhi udara, dari cahaya wayang kulit hingga riuh *mini parade*, Butterworth akan berubah menjadi pentas seni terbuka.

6. Dengan sokongan penuh **Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism**, *festival* ini menghubungkan seni, budaya, komuniti dan ekonomi kreatif, sekaligus menghidupkan denyut nadi Butterworth sebagai **hab seni dan bandar kreatif** di Seberang Perai.

Hadirin sekalian,

7. BFF bukan sekadar *festival*; ia adalah **jambatan budaya**, tempat di mana warisan tak ketara Seberang Perai diperkasa dan ditampilkan kepada dunia; melalui tarian, muzik, cerita rakyat, seni pertunjukan dan kreativiti masyarakat pelbagai kaum. BFF bukan hanya acara; ia adalah identiti baharu Butterworth sebagai bandaraya seni yang hidup.
8. Festival ini juga menjadi ruang inklusif untuk komuniti tempatan iaitu artis, anak muda, pembuat kraftangan, vendor makanan, penggiat budaya mengembangkan bakat dan menjana pendapatan, seterusnya menyumbang kepada *Local Economic Development* (LED) di Seberang Perai.
9. Saya menyimpan harapan besar agar BFF terus menjadi *festival* rakyat yang meraikan keterangkuman, kreativiti dan kepelbagaian budaya; masyarakat tempatan semakin menghargai seni serta warisan kita sendiri; generasi muda terus terinspirasi untuk menceburi bidang seni dan ekonomi kreatif; Seberang Perai muncul sebagai destinasi pilihan pelancong dalam peta pelancongan budaya negara;

dan akhirnya, *festival* ini menjadi sumber kebanggaan seluruh warga Pulau Pinang.

10. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada seluruh masyarakat yang hadir. Tidak lupa saya menghargai para sukarelawan, artis tempatan, peniaga kecil dan kru teknikal yang bekerja siang dan malam menjayakan *festival* ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puanlah yang menghidupkan festival ini. **Tanpa komuniti, BFF tidak akan bermakna.**
11. **Saya mengajak semua hadirin untuk menikmati *festival* ini dengan penuh rasa bangga; kerana inilah wajah sebenar komuniti Seberang Perai.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.